



INTRODUCTION

Nasihat penjagaan kesihatan mulut disasarkan pada pesakit yang mempunyai kebersihan mulut yang tidak memuaskan dengan bantuan model gigi dan juga bahan pewarnaan plak di dalam Rumah Plak. Maka, tercetuslah idea untuk menghasilkan satu alat bantu mengajar (ABM) alternatif kepada Rumah Plak yang lebih ringan dan kecil. Objektif produk adalah sebagai alat bantu mengajar dalam memberikan nasihat pergigian supaya pesakit boleh menilai sendiri keberkesanan teknik memberus gigi dan mengenalpasti lokasi di mana plak sering melekat dan tidak dibersihkan dengan betul melalui teknik pemberusan gigi sedia ada.

METHODOLOGY

- Prototaip *Disclo-Light* 1.0 dan 2.0 telah dicuba pakai oleh perawat pergigian dari 3 buah klinik pergigian di dalam Daerah Perak Tengah semasa rawatan pesakit luar dan semasa lawatan pergigian ke sekolah untuk mendapatkan maklumbalas keberkesanan produk.
- Maklumbalas penilaian keselamatan yang telah disemak oleh pihak Kolej Vokasional Seri Iskandar telah turut diedarkan kepada pengguna bagi menilai keselamatan *Disclo-Light*.



RESULTS

- Perawat pergigian bersetuju *Disclo-Light* memudahkan mereka untuk menyampaikan nasihat pergigian yang lebih baik.
- Pesakit juga memberikan maklumbalas mereka semakin bermotivasi untuk meningkatkan kebersihan mulut setelah mereka dapat mengenalpasti keberkesanan teknik memberus gigi mereka sedia ada dalam membersihkan plak gigi.



BENEFITS

- ✓ Ringan dan mudah dibawa ke mana-mana
- ✓ Kos yang lebih murah berbanding Rumah Plak
- ✓ Perawat dapat memberikan nasihat secara bersemuka dengan pesakit
- ✓ Telah mendapat pengesahan keselamatan daripada pihak Kolej Vokasional Seri Iskandar

DISCUSSION



Disclo-Light yang kecil dan ringan bukan sahaja mudah untuk digunapakai di atas kerusi rawatan, ia juga sesuai digunakan semasa lawatan pergigian ke sekolah kerana ia tidak memerlukan ruang yang luas atau pencahayaan yang spesifik.



Disclo-Light juga memastikan pengguna dapat mendapatkan nasihat pergigian secara bersemuka dengan perawat. *Disclo-Light* dapat mengurangkan masa yang diperlukan perawat dalam memberikan nasihat kesihatan pergigian.



Disclo-Light juga dapat membantu pesakit menilai sendiri teknik pembersihan plak gigi sedia ada dan meningkatkan motivasi pesakit dalam meningkatkan kebersihan mulut.